



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

4 September 2020

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Telur, daging penyu bawa maut?
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	
							4/9/20	

Telur, daging penyu bawa maut?

Oleh ROSALINDA MD. SAID
utusannews@mediamuka.com.my

KUALA NERUS: Aktiviti pengambilan daging dan telur penyu bukan sahaja berisiko menyebabkan penyakit kronik terhadap manusia, malah kajian turut mendapati makanan eksotik itu boleh meragut nyawa.

Perkara itu didedahkan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Muhammad Hafiz Borkhanuddin yang sekali gus menggesa amalan pemakanan itu segera dihentikan.

Beliau yang juga pensyarah Biologi Marin di Fakulti Sains dan Sekitaran Marin berkata, penyu merupakan haiwan yang mempunyai kandungan logam berat yang tinggi dengan kadar pada risunya melebihi standard keselamatan makanan antarabangsa.

"Kandungan logam berat yang tinggi boleh mengakibatkan kesan toksik termasuk penyakit ginjal, barah hati dan kesan perkembangan pada janin dan kanak-kanak.

"Daging penyu juga mempunyai bakteria, parasit, biotoksin di samping menjadi tempat pengumpulan bakteria yang terhasil daripada pencemaran alam sekitar," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Pusat Komunikasi Korporat universiti itu di sini hari ini.

Menurut Dr. Muhammad Hafiz, daripada perspektif parasitologi, terdapat banyak laporan yang merekodkan kehadiran telur dan cacing parasit pada penyu antaranya cacing trematoda yang dijumpai di jantung manakala telur trematoda pula ditemui di pelbagai organ termasuk otak, hati, paru-paru, limpa, ginjal, kulit, perut dan



PENYU yang dilapah untuk mendapatkan dagingnya.

usus.

Katanya, terdapat kajian yang dijalankan ke atas penduduk orang Asli di Australia yang menjumpai telur cacing

itu dalam najis kanak-kanak masyarakat pribumi berkenaan.

"Ini sekali gus menunjukkan risiko jangkitan akibat memakan daging penyu memang

berlaku, secerusnya memberi indikasi cacing dewasa mampu membiak di dalam badan kanak-kanak terabit.

"Secara amnya, kesan kesihatan yang dilaporkan daripada memakan penyu laut atau telurnya yang dijangkiti patogen zoonotik termasuklah cirit-birit, muntah dan dehidrasi yang melampau sehingga boleh mendatangkan kematian.

"Asasnya, pengambilan telur dan daging penyu jelas mendatangkan kesan negatif terhadap kesihatan manusia," katanya.

Sehubungan itu, Dr. Muhammad Hafiz menggesa aktiviti pengambilan daging dan telur hidupan laut tersebut dihentikan segera bagi mengurangkan kesan kesihatan kepada manusia, di samping memupuk kesedaran masyarakat.